

Kluster Bakau dikesan di Sabah

Tiga individu di Semporna sudah dijangkiti dalam kluster berkenaan setakat ini

KUALA LUMPUR

Satu lagi kluster baharu dilaporkan semalam iaitu Kluster Bakau di Semporna, Sabah dengan tiga kes dikesan positif coronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks kluster itu adalah seorang wanita warga Filipina (kes ke-10145) yang merupakan kes kematian ke-129 dilaporkan kelmarin.

“Saringan Covid-19 kes indeks didapati positif pada 16 September 2020. Saringan kontak rapat telah dijalankan dan dua lagi kes positif Covid-19 bagi Kluster Bakau dikenal pasti melibatkan seorang warga tempatan dan seorang warga Filipina.

“Mereka telah dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, setakat jam 12 tengah hari semalam, seramai 109 individu telah disaring bagi kluster tersebut dan langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman serta proses pembersihan telah dijalankan di



DR NOOR HISHAM

Hospital Semporna, manakala punca jangkitan masih dalam siasatan.

Mengenai perincian Kluster Sungai, Dr. Noor Hisham berkata, terdapat lapan kes baharu di Kedah semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif kluster itu sebanyak 73 kes dengan seramai 23,935 individu disaring setakat jam 12 tengah hari.

Di Kedah, seramai 23,748 individu disaring dengan 72 kes positif termasuk lapan kes baharu dikesan semalam, sementara di Pulau Pinang, seramai 142 individu telah disaring dan Perlis, seramai 45 orang disaring dengan satu kes positif. - Bernama

20 kes baharu, satu kematian

KUALA LUMPUR - Sebanyak 20 kes baharu melibatkan 17 kes penularan tempatan dan satu kematian dilaporkan di Kedah semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif coronavirus (Covid-19) di Malaysia kini sebanyak 10,167 kes dengan 130 kematian, manakala kes aktif dengan kebolehjangkitan berjumlah 722 kes.

Menurutnya, bagi 17 kes penularan tempatan, sebanyak 14 kes melibatkan warga tempatan dan tiga kes bukan warganegara.

“Daripada 20 kes baharu, tiga adalah kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara melibatkan dua warga tempatan dan satu bukan warganegara.

“Terdapat satu kes kema-

tian yang meninggal dunia pada jam 5.45 petang kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 130 kes,” katanya dalam kenyataan semalam.


Beliau berkata, kes kematian ke-130 (kes ke-9578) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 82 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit strok serta sukar bergerak sendiri sejak Mac 2020 akibat patah tulang utama bahagian kaki.

“Dia mengalami gejala demam pada 4 September lalu, namun tidak mendapatkan rawatan. Pada 7 September, dia dikesan sebagai kontak rapat kepada anak dan cucunya yang merupakan kes positif dalam Kluster Sungai.

“Dia dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah dan didapati positif pada 9 September lalu,” katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 6 petang 19 September 2020

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: **10,167** | PULIH: **9,315** | ICU: **12** | KEMATIAN: **130** | KES BAHARU: **+20**

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 10,147 kes kepada 10,167 kes

